UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tahun Ketiga Dalam Sains Farmasi

Semester II, Sidang 1986/87

Dadah dan Masyarakat

FEL 304.20

Tarikh: 15 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

---

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

Soalan I

(A) Sebutkan manifestasi-manifestasi dependens fizikal berbanding dengan dependens psikik.

(5 markah)

(B) Beri dua contoh utama drug yang menghasilkan kedua dependens psikik dan fizikal, sebutkan asas jawapan anda.

(5 markah)

(C) Bincangkan mengapa dependens diklaskan kepada beberapa jenis mengikut drug yang terlibat?

(5 markah)

(D) Bincangkan dua teori utama disebalik dependens fizikal ini.

(5 markah)

Soalan II

Beza dan bandingkan heroin dan alkohol di bawah tajuk-tajuk berikut:

(i) perkembangan tolerans
(ii) corak penggunaan
(iii) gerak balas 'withdrawal'
(iv) kesan buruk

(20 markah)

Soalan III

(A) Terangkan konsep pengukuhan tingkahlaku.

(5 markah)

(B) Beri satu contoh bahan yang menghasilkan pengukuhan positif dan terangkan asas jawapan anda.

(5 markah)

(C) Bincangkan pendekatan anda dalam mengenalpasti ciri-ciri pengukuhan ini.

(10 markah)

Soalan IV

(A) Bincangkan modaliti-modaliti rawatan penagihan yang terdapat masakini di negara ini.

(10 markah)

(B) Terangkan kebaikan-kebaikan serta keburukan-keburukan bagi pendekatan rawatan-rawatan tersebut.

(6 markah)

(C) Bincangkan peranan kaunseling dalam program rawatan penagihan.

(4 markah)

Soalan V

Anda telah dibekalkan bahan X yang diakui popular di kalangan penagih.

(i) Bincangkan prosedur yang dapat anda kenalpasti kelas bahan X tersebut.

(6 markah)

(ii) Apakah cara-cara umum yang boleh dilaksanakan untuk menentukan liabiliti dependensnya di dalam haiwan dan manusia?

(10 markah)

(iii) Nyatakan had-had dalam percubaan-percubaan tingkah-laku di dalam haiwan dan manusia.

(4 markah)

Soalan VI

Bincangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam pendekatan memahami dan bekerja dengan penagih dadah.

ATAU

Sebagai seorang ahli Farmasi yang juga membuat Kerjaluar di kommuniti luar bandar, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk meluaskan lagi pendidikan bahaya dadah dan pencegahannya dalam satu kampong di mana penagihan adalah masalah yang merunsingkan penduduk.

(20 markah)